

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (2)

Tarikh : 20 Februari 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**PEMBUKAAN SEKATAN OVER BAJET BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN INSENTIF AWAL (BIA) KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024 TANPA PERUNTUKAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMAS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, sekatan overbajet di sistem iGFMAS bagi bagi **tempoh bagi tempoh 19 Februari 2024 (Isnin) sehingga 1 Mac 2024 (Jumaat)** bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) di sistem iGFMAS. Sebagai peringatan, Pembukaan sekatan overbajet adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BIA yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul Human Capital Management (HCM) tarikh yang ditetapkan. Pembayaran overbajet bagi OS17000 untuk BIA ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2024.

3. Justeru, PTJ hendaklah diingatkan agar pembayaran BIA ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan overbajet hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BIA tidak dibuat pembayaran dua (2) kali kepada pegawai yang layak.

4. Sila nyatakan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran semasa menyediakan Arahan Pembayaran (K2) iGFMAS ini. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**